



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
LEMBAGA PEPERIKSAAN

# KUPASAN MUTU JAWAPAN

Sijil Pelajaran Malaysia  
Tahun 2023



**Sejarah**  
**Kertas 2**  
1249/2

## 1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	1249/2
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	100 Markah
Masa	:	2 Jam 30 Minit

### 1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 2 mengandungi dua bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

- Bahagian A** : Mengandungi 4 soalan struktur.  
Semua soalan wajib dijawab.  
Setiap soalan memperuntukkan **10 markah**.
- Bahagian B** : Mengandungi 5 soalan esei.  
Calon perlu menjawab 3 soalan sahaja.  
Setiap soalan memperuntukkan **20 markah**

## 2.0 PRESTASI CALON

### 2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

#### 2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Secara keseluruhannya, calon dapat menjawab soalan Bahagian A dengan baik. Calon dapat mengemukakan jawapan berdasarkan kehendak tugas terutama soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Namun, terdapat segelintir calon yang kurang menguasai fakta dan konsep sejarah dengan baik.

#### 2.1.2 Prestasi Mengikut Kumpulan Calon

##### Kumpulan Prestasi Tinggi

Calon dapat menyatakan fakta dengan tepat beserta huraian yang sesuai. Bagi soalan KBAT, calon berupaya memberi respon yang sesuai dengan kehendak soalan. Malahan, calon berupaya berkomunikasi menggunakan laras bahasa yang baik dan membuat inferens yang tepat.

##### Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon dalam kumpulan ini mampu menjawab sebahagian daripada kehendak tugas. Ramai calon cenderung menjawab berdasarkan pemikiran logik akal tanpa menghubungkan kait dengan fakta sejarah terutama bagi soalan KBAT. Selain itu, calon menghuraikan fakta yang terhad dan laras bahasa yang digunakan kurang menarik.

## 2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

### Soalan 1 (a)

- 1 Akhbar Semangat Asia berikut dikeluarkan oleh tentera Jepun sewaktu menjajah Tanah Melayu.



Sumber : Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah  
Special Issue (2019)

- (a) Apakah tujuan akhbar tersebut diterbitkan?

Calon perlu menyatakan **tujuan akhbar Semangat Asia** diterbitkan.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Tujuan akhbar tersebut diterbitkan ialah untuk melakukan  
propaganda,  bagi menanam sikap antipenjajah  dan  menghasratkan  
rakyat untuk percaya kepada Jepun.

Calon menyatakan **tiga** tujuan Jepun menerbitkan akhbar Semangat Asia.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Tujuan akhbar tersebut diterbitkan adalah untuk mendapat kepercayaan   
~~orang Melayu~~ penduduk Asia Tenggara.

Calon menyatakan hanya **satu** tujuan Jepun menerbitkan akhbar Semangat Asia.

### Soalan 1 (b)

(b) Mengapakah Jepun menjajah Asia Tenggara?

Calon perlu menjelaskan **sebab** Jepun menjajah Asia Tenggara.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Jepun menjajah Asia Tenggara disebabkan keperluan perindustrian iaitu Jepun tidak mahu bergantung kepada keperluan bahan mentah di Eropah. Selain itu, disebabkan perluasan kuasa golongan tentera iaitu Jepun menanam sikap agresif dalam kalangan tentera supaya lebih banyak wilayah dapat ditakluk. Setengahnya, disebabkan orde baharu iaitu disebabkan pemodenan.

Calon menjelaskan **enam** sebab Jepun menjajah Asia Tenggara.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Jepun menjajah Asia Tenggara kerana mereka ingin mendapat bahan mentah yang kaya di Asia Tenggara. Selain itu, Jepun menjajah Asia Tenggara kerana mereka ingin memperluas tanah jajahan.

Calon hanya menjelaskan **dua** sebab Jepun menjajah Asia Tenggara.

### Soalan 1 (c)

- (c) Slogan “Semangat Asia” digunakan oleh Jepun untuk menguasai negara Asia.  
Beri komen anda.

Calon dikehendaki memberikan **komen berkaitan slogan “Semangat Asia”** yang digunakan Jepun untuk menguasai negara Asia.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

mereka telah memanipulasikan penduduk dengan melakukan pelbagai cara bagi menarik lebih ramai penduduk yang menyokong pendudukan Jepun di negara kita. Selain itu, bagi melemahkan anggota British. Tambahan lagi, bagi menyatakan bahawa Jepun bersama-sama dengan Tanah Melayu walaupun itu hanyalah propaganda.

Calon menyatakan **enam** ulasan berkaitan slogan “Semangat Asia” yang digunakan Jepun untuk menguasai negara Asia.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Komen saya ialah, slogan semangat Semangat Asia digunakan kerana untuk memberi semangat kepada negara-negara Asia. Selain itu, untuk memberi negara-negara lain takut dengan Asia.

Calon hanya menyatakan **dua** ulasan berkaitan slogan “Semangat Asia” yang digunakan Jepun untuk menguasai negara Asia.

**Soalan 2 (a)**

2 Dialog berikut berkaitan dengan pembentukan Sistem Ahli pada tahun 1951.



(a) Namakan **dua** warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang menganggotai Sistem Ahli.

Calon dikehendaki **menamakan dua** warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang menganggotai Sistem Ahli.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

- (i) ..... Dato' Onn Jaafar ✓  
(ii) ..... E. E. C. Thuraisingham ✓

Calon menamakan **dua** warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang menganggotai Sistem Ahli.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

- (i) ..... Dato Onn Jaafar ✓  
(ii) ..... Dato Ismail Aban Abidin Haji Abas'

Calon hanya menamakan **seorang** warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang menganggotai Sistem Ahli dengan tepat.

**Soalan 2 (b)**

(b) Senaraikan dua portfolio yang terdapat dalam Sistem Ahli.

Calon dikehendaki menyenaraikan dua portfolio yang terdapat dalam Sistem Ahli.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

- (i) Portfolio hal ehwal negara
- (ii) Portfolio perindustrian dan perhubungan luar  
Portfolio kerjaya

Calon menyenaraikan dua portfolio yang terdapat dalam Sistem Ahli dengan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

- (i) ~~beberapa jabatan~~ perumahan dan kerjaya
- (ii) agensi kerajaan

Calon menyenaraikan satu portfolio yang terdapat dalam Sistem Ahli dengan tepat.

**Soalan 2 (c)**

(c) Nyatakan **dua** ciri Sistem Ahli.

Calon dikehendaki **menyatakan dua ciri Sistem Ahli**.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

- (i) Ahli bertaraf menteri ✓
- (ii) Ahli kabinet bayangan ✓  
mencadangkan undang-undang ✓

Calon menyatakan **tiga** ciri Sistem Ahli dengan tepat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

- (i) Ahli yang ditetaskan sebagai ~~pernah~~ Pemuh Jaya.
- (ii) Ahli yang ditantik oleh Pemuh Jaya Tinggi British dan mendapat persetujuan ✓ ~~daripada~~ daripada ~~Majlis~~ Majlis Raja-Raja.

Calon hanya menyatakan **satu** ciri Sistem Ahli dengan betul.



## Soalan 2 (d)

(d) Mengapakah British bersetuju untuk menubuhkan Sistem Ahli?

Calon dikehendaki menyatakan sebab British bersetuju menubuhkan Sistem Ahli.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

British bersetuju untuk menubuhkan sistem Ahli kerana untuk melatih penduduk tempatan berkerajaan sendiri. Selain itu, untuk memperkenalkan sistem pentadbiran kepada penduduk tempatan. Seterusnya, memberi peluang kepada penduduk Melayu mentadbir. Seterusnya, memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk ~~berkerajaan sendiri~~ <sup>mencadangkan undang-undang</sup>. ~~Seterusnya~~ <sup>untuk mem</sup> Akhir sekali ~~te~~ adalah posuruhannya tinggi British.

Calon menyatakan empat sebab British bersetuju menubuhkan Sistem Ahli.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

British bersetuju untuk menubuhkan Sistem Ahli kerana dapat melatih penduduk tempatan mengenai pentadbiran persekutuan Tanah Melayu. Seterusnya, British dapat menggunakan tenaga kerja rakyat tempatan untuk bekerja di tanah mereka. Mereka sudah mahu berkemahiran. Selain itu, British dapat membenarkan kantuan/ketenteraan kepada rakyat tempatan dalam memantapkan lagi pentadbiran mereka. Akhir sekali, rakyat tempatan dapat menyumbang di negara British jika sudah mahu mentadbir.

Calon hanya menyatakan dua sebab British bersetuju menubuhkan Sistem Ahli dengan tepat.

### Soalan 3 (a)

3 Pembentukan Durbar pada tahun 1897 merupakan asas kepada penubuhan Majlis Raja-Raja Melayu.

(a) Senaraikan negeri-negeri yang terlibat dengan majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu tersebut.

Calon dikehendaki **menyenaraikan negeri-negeri yang terlibat** dalam persidangan Majlis Raja-Raja Melayu semasa Durbar pada tahun 1897.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(i) Perak ✓

(ii) Kelantan ✓

Calon menyenaraikan **dua** negeri terlibat dalam persidangan Majlis Raja-Raja Melayu semasa Durbar pada tahun 1897 dengan tepat.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(i) Pulau Pinang

(ii) Kelantan ✓

Calon hanya menyenaraikan **satu** negeri yang terlibat dalam persidangan Majlis Raja-Raja Melayu semasa Durbar pada tahun 1897 dengan tepat.

### Soalan 3 (b)

(b) Bagaimanakah Majlis Raja-Raja Melayu berperanan sebagai sebuah institusi berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?

Calon dikehendaki **menjelaskan peranan Majlis Raja-Raja Melayu** sebagai sebuah institusi berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Majlis Raja-Raja ditubuhkan agar Raja-Raja Melayu dapat bertukar pandangan. Selain itu, Majlis Raja-Raja berkuasa memperkenankan **sebahagian undang-undang**. Hal ini, demikian dapat mengembalikan kuasa dan kedudukan Raja-Raja Melayu dalam **kelembagaan Persekutuan**. Majlis Raja-Raja dikendalikan sepenuhnya oleh Raja-Raja Melayu dan dipengerusikan oleh salah seorang Raja-Raja Melayu. **Peringatan Mohor Besar** [4 markah] Raja-Raja Melayu turut menghadiri mesyuarat untuk memeterai keputusan mesyuarat.

Calon menjelaskan **lima** peranan Majlis Raja-Raja Melayu sebagai sebuah institusi berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Majlis Raja-Raja <sup>Melayu</sup> berkuasa dalam pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu 1948. Selain itu, Majlis Raja-Raja menjaga kedudukan **istimewa** orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain. Raja-raja Melayu merupakan ketua agama Islam dan membincangkan **sosial** agama dan adat resam Melayu dalam Majlis Raja-Raja. Raja-raja Melayu memberi ~~has~~ nasihat kepada **Perunding** Tinggi British dalam pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu.

Calon hanya menjelaskan **dua** peranan Majlis Raja-Raja Melayu sebagai sebuah institusi berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

**Soalan 3 (c)**

(c) Poster berikut menggambarkan hubungan antara raja dengan rakyat.



Beri ulasan anda.

Calon dikehendaki memberikan **ulasan** berkaitan hubungan antara raja dengan rakyat yang terdapat dalam poster.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Hubungan antara rakyat dan raja seperti hubungan timbal balik. Raja sentiasa menjaga kebajikan rakyatnya. Selain itu, rakyat memberikan taat setia kepada raja. Seterusnya, rakyat menghormati dan menganjungi kewibawaan raja. Di samping itu, tidak memburuk-burukkan nama raja-raja. Selanjutnya, sentiasa mematuhi arahan raja.

Calon menjelaskan **tujuh** ulasan berkaitan hubungan antara raja dengan rakyat yang terdapat dalam poster.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Ulasan saya bagi gambar diatas ialah tentang  
hubungan  antara raja dengan rakyat  
Selain itu, gambar juga menunjukkan raja  
berpelukan  dengan kanak-kanak. Seterusnya,  
raja dan rakyat berpisah  tiada.

Calon menjelaskan **tiga** ulasan berkaitan hubungan antara raja dengan rakyat yang terdapat dalam poster.

**Soalan 4 (a) (i)**

4 Kesepaduan sosial, integrasi nasional dan perpaduan kaum kunci kemakmuran negara.

Sumber: www.bharian.online, 30 Ogos 2022

(a) Jelaskan konsep berikut:

(i) Perpaduan Kaum

Calon dikehendaki menjelaskan konsep perpaduan kaum.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Keadaan negara yang berbilang kaum hidup dengan aman kerana adanya perpaduan antara satu sama lain. Contohnya kaum melayu, india dan cina

Calon menjelaskan dua konsep perpaduan kaum.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Perpaduan kaum ialah hubungan terjajama daripada masyarakat yang berbilang kaum. Selain itu, m

Calon hanya menjelaskan satu konsep perpaduan kaum.

**Soalan 4 (a) (ii)**

(ii) Integrasi Nasional

Calon dikehendaki **menjelaskan konsep integrasi nasional.**

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Proses **dinamik** antara negeri dan wilayah. Selain itu, tujuannya ialah membentuk **identiti** sendiri berdasarkan **perlembagaan**, persekutuan dan rukun negara.

Calon menjelaskan **tiga** konsep integrasi nasional.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Proses yang **dinamik** bagi mencapai perpaduan kaum. Pelbagai langkah diambil oleh kerajaan bagi <sup>mempunyai</sup> ~~mencapai~~ perpaduan dalam masyarakat majmuk.

Calon hanya menjelaskan **satu** konsep integrasi nasional.

#### Soalan 4 (b)

- (b) Jelaskan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dari aspek sosial untuk memperkasa perpaduan kaum dan integrasi nasional.

Calon dikehendaki menjelaskan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dari aspek sosial untuk memperkasa perpaduan kaum dan integrasi nasional.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dari aspek sosial untuk memperkasa perpaduan kaum dan integrasi nasional melalui sistem pendidikan. Contohnya, Laporan Rahman Talib. Pihak kerajaan memperkenalkan ~~kurikulum~~ kurikulum yang sama bagi setiap sekolah untuk memupuk taat ~~setia~~ setia kepada negara. Selain itu, bahasa ~~Melayu~~ Melayu dijadikan ~~Bahasa~~ bahasa pengantar dalam setiap peringkat sekolah untuk memupuk perpaduan antara kaum.

Calon menjelaskan empat usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memperkasa perpaduan kaum dan integrasi nasional.



### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dan aspek sosial untuk memperkasa perpaduan kaum dan integrasi Nasional ialah mewujudkan pendidikan yang seragam. Hal ini dengan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah. Selain itu, menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran.

Calon hanya menjelaskan **dua** usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memperkasa perpaduan kaum dan integrasi nasional.

Soalan 4 (c)

(c)

Perpaduan adalah hadiah tidak ternilai harganya yang mesti dipelihara dan dihargai semua rakyat di negara berbilang kaum seperti di Malaysia.

Sumber: Diubah suai daripada Berita Harian, 5 Januari 2021

Ulasakan pernyataan tersebut.

Calon dikehendaki untuk mengulas pernyataan yang diberikan.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Perpaduan adalah hadiah tidak ternilai harganya.   
 ~~Yang~~ Selain itu, semua rakyat di negara berbilang kaum seperti Malaysia perlu memelihara dan menghargai perpaduan. Hal ini kerana perpaduan dapat membentuk negara yang ~~ter~~ bersatu padu. Oleh itu, kuasa asing tidak berpeluang untuk mencampurkan tangan dalam negara kita. Selain itu, perpaduan dapat mengelakkan perselisihan fahaman ~~antara~~ dan konflik antara kaum. Oleh itu, negara kita akan menjadi aman dan harmoni. ~~Ini~~ Hal ini dapat menyakinkan pelabur asing untuk melabur di negara kita.

Calon mengulas pernyataan yang diberikan dengan tepat beserta huraian yang jelas.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Perpaduan adalah perkara yang harus dikekalkan oleh kalangan Masyarakat. Perpaduan dapat menjamin keamanan antara bilangan kaum pelbagai kaum. Selain itu, Perpaduan dapat melindungi kestabilan sosial mengekalkan kestabilan sosial dalam masyarakat. Seterusnya, Perpaduan

Calon menyatakan tiga ulasan berkaitan pernyataan yang diberikan.

## 2.3 CADANGAN/ SYOR BAHAGIAN A

### 2.3.1 Calon

- a) Menguasai semua tema dan tajuk yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran.
- b) Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) beserta buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- c) Membaca bahan tambahan lain berkaitan topik buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- d) Membuat rujukan tambahan melalui kod QR dan info grafik serta latihan yang disediakan dalam buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 KSSM.
- e) Mengukuhkan pengetahuan berkaitan isu semasa bagi menjawab soalan KBAT.
- f) Meningkatkan kemahiran menjawab, calon perlu memperbanyakkan latihan. Contohnya, menggunakan koleksi soalan-soalan percubaan negeri.
- g) Meneliti dan memahami semua kata tugas dalam soalan sebelum menjawab soalan yang dikemukakan.
- h) Menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab sesuatu soalan. Rangka jawapan dapat membantu calon menguruskan masa dengan betul agar tidak berlaku pembaziran masa.
- i) Memahami dan meneliti maklumat yang terkandung dalam soalan yang merujuk kepada petikan atau grafik.
- j) Merujuk Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.

### 2.3.2 Guru

- a) Menguasai kandungan dalam DSKP.
- b) Memastikan setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks Sejarah KSSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 disampaikan dengan baik.
- c) Mendedahkan murid kepada cara menjawab soalan dengan teknik yang betul dan tepat.
- d) Merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) terutamanya menyelesaikan sukatan mata pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latih tubi dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- e) Mengajar berdasarkan pendekatan berpusatkan murid dan tidak berpusatkan guru.
- f) Mengenal pasti kelemahan murid supaya kelemahan tersebut dapat diperbaiki lebih awal (intervensi).
- g) Mempelbagaikan sumber rujukan dan bahan pengajaran yang menarik dalam PdP.
- h) Menghasilkan pelbagai bentuk stimulus bagi persediaan menjawab soalan KBAT.
- i) Mencadangkan kepada murid untuk merujuk koleksi soalan SPM yang lepas dan KMJ agar murid dapat meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.
- j) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

## **2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B**

### **2.4.1 Prestasi Keseluruhan**

Secara keseluruhannya, calon dapat menjawab soalan Bahagian B dengan baik kecuali soalan 5 (b)(i), 5 (b)(ii), 8 (a)(i) dan 8 (a)(ii). Calon dapat mengemukakan jawapan berdasarkan kehendak tugas dan memenuhi peruntukan markah. Soalan KBAT banyak membantu calon memperoleh markah. Namun, terdapat segelintir calon yang masih kurang menguasai fakta dan konsep sejarah dengan baik terutamanya di cerai (a) dan (b).

### **2.4.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

#### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dapat menyatakan fakta dengan tepat berserta huraian yang sesuai terutamanya bagi soalan soalan 6, soalan 7 dan soalan 9. Bagi soalan KBAT, calon dapat menguasai maklumat yang diberi dalam petikan. Penguasaan bahasa yang baik menjadikan jawapan yang diberi mempunyai huraian yang mendalam dan contoh serta inferens yang relevan.

#### **Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon dalam kumpulan ini gagal mengemukakan isi jawapan yang mencukupi berdasarkan peruntukan markah. Terdapat juga calon yang mengemukakan fakta yang tidak berkaitan dengan tugas menyebabkan jawapan mereka tidak relevan untuk diberikan markah. Ramai juga calon yang memberikan jawapan secara umum sahaja berdasarkan pengetahuan am yang mereka miliki.

## 2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

### Soalan 5 (a)

5 (a) Jelaskan peranan golongan intelektual berpendidikan agama dalam membangkitkan semangat nasionalisme di negara kita.

Calon dikehendaki **menjelaskan peranan golongan intelektual berpendidikan agama** dalam membangkitkan semangat nasionalisme di negara kita.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Soalan 5

a) Peranan golongan intelektual berpendidikan agama dalam membangkitkan semangat nasionalisme di negara kita ialah dikenali sebagai kaum muda. Selain itu, tokoh ~~kaum~~ dalam kaum muda ialah Syed Sheikh al-Hadi. Seterunya, cenderung terhadap nasionalisme semasa menuntut di Timur Tengah. Di samping itu, penubuhan madrasah untuk menyebarkan fahaman Islam. Contohnya, Madrasah al-Attar di Johor Bahru, Johor.

Calon dapat menjelaskan **empat** peranan golongan intelektual berpendidikan agama dalam membangkitkan semangat nasionalisme di negara kita.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

a) Peranan golongan intelektual berpendidikan agama dalam membangkitkan semangat nasionalisme di negara kita adalah ideologi Mesir di ~~bawah~~ bawa masuk. Golongan intelektual ini melancarkan gerakan Islam yang mengajak masyarakat kita hidup berteraskan agama. Selain itu, penubuhan madrasah untuk kemudahan mempelajari bidang agama. ~~Tek~~ Antara tokoh yang terlibat adalah Sheikh Abdullah Al-Hadi.

Calon dapat menjelaskan **dua** peranan golongan intelektual berpendidikan agama dalam membangkitkan semangat nasionalisme di negara kita.

**Soalan 5 (b) (i)**

(b) Terangkan kesan perkembangan semangat nasionalisme dari aspek berikut:

(i) Politik

Calon dikehendaki menerangkan kesan perkembangan semangat nasionalisme dari aspek politik.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

B-b] i) Politik

-kesan perkembangan nasionalisme ialah penduduk tempatan bertambah dalam menjadi pegawai kerajaan iaitu dari 9 orang kepada 20 orang. Selain itu, kuasa raja Melayu juga bertambah dalam mengurus hal ehwal agama dan adat istiadat orang Melayu. Di samping itu, lahir juga golongan intelektual yang menyebarkan fahaman kepada masyarakat. Akhir sekali, timbulnya penentangan oleh orang Melayu seperti British perlu mengambil tindakan dengan menjerakkan orang yang menentang.

Calon dapat menerangkan lima kesan perkembangan semangat nasionalisme dari aspek politik.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

b)(i) Kesan perkembangan semangat nasionalisme dari aspek politik ialah usaha golongan intelektual dan keratuan Melayu Muda (KMM) menggesa kerajaan. Selain itu, ramai orang Melayu menyertai Malayan Civil Services semakin meningkat.

Calon hanya menerangkan dua kesan perkembangan semangat nasionalisme dari aspek politik.

Soalan 5 (b) (ii)

(b) Terangkan kesan perkembangan semangat nasionalisme dari aspek berikut:

(ii) Ekonomi

Calon dikehendaki menerangkan kesan perkembangan semangat nasionalisme dari aspek ekonomi.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

ii) Kesan perkembangan nasionalisme dari aspek ekonomi ialah gesaan kaum muda untuk memperbaiki kehidupan rakyat. Persatuan tnt mi meningkatkan semangat berniaga. Hasilnya, tertubuhlah persatuan Jamaiah Al-Khairiah. Selain itu, go tokoh nasionalisme mementingkan pendidikan pada peringkat tinggi. Hal ini kerana penekanan British kepada pendidikan tahap rendah menyukarkan langkah peningkatan taraf hidup rakyat. Malay Tribune dan Malay Mail digunakan untuk mengutip dana bagi menyambung golongan yang pengajian ke peringkat tinggi.

Calon dapat menerangkan enam kesan perkembangan semangat nasionalisme beserta huraian dan contoh yang tepat.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

ii) Ekonomi

Kesan perkembangan nasionalisme telah membuka banyak peluang pekerjaan baharu disebabkan british yang didesak oleh penduduk tempatan. Rakyat melayu semakin banyak menceburi bidang perniagaan yang menyebabkan taraf hidup rakyat meningkat.

Calon hanya mengemukakan dua kesan perkembangan semangat nasionalisme dari aspek ekonomi.



### Soalan 5 (c)

(c) Baca petikan berikut.

Golongan intelektual mempunyai peranan besar dalam pembinaan dan pembangunan negara bangsa. Dalam konteks Malaysia misalnya, kemerdekaan negara terhasil daripada suatu perjuangan yang bukan kepalang dalam kalangan ulama, pejuang, pendidik, nasionalis serta orang awam.

Mereka berjuang dengan darah, keringat dan air mata. Dalam sejarah perjuangan mereka tidak meminta sebarang imbuhan atau kepentingan. Cita-cita mereka hanya satu, berjuang mencapai kemerdekaan, mempertahankan kedaulatan, mensejahterakan kehidupan rakyat dan memakmurkan negara.

Persoalan lebih besar ialah menanamkan sentimen kerakyatan dan kesetiaan dalam kalangan rakyat terhadap pembinaan negara bangsa bernama Malaysia. Di sinilah golongan intelektual perlu memainkan peranan. Dalam sorotan sejarah, kita dapat menyaksikan kerjasama padu antara pemerintah dengan intelektual. Mereka saling bekerjasama menggubal satu demi satu dasar negara yang diserasikan dengan kehendak dan keperluan rakyat.

Sumber: <https://www.bharian.online>, Februari 2021

Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan iktibar yang boleh diambil.

Calon dikehendaki **menghuraikan mesej dan iktibar** yang boleh diambil daripada petikan yang diberikan.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

c) Mesej yang terkandung dalam petikan tersebut ialah golongan intelektual mempunyai peranan besar dalam pembinaan dan pembangunan negara bangsa. Selain itu, kemerdekaan negara terhasil daripada suatu perjuangan yang bukan kepalang dalam kalangan ulama, pejuang, pendidik, nasionalis serta orang awam. Seterusnya, cita-cita mereka hanya satu, berjuang mencapai kemerdekaan, mempertahankan kedaulatan, mensejahterakan kehidupan rakyat dan memakmurkan negara. Di samping itu, menanam sentimen kerakyatan dan kesetiaan dalam kalangan rakyat terhadap pembinaan negara bangsa bernama Malaysia. Tambahan pula, kita dapat menyaksikan kerjasama padu antara pemerintah dengan intelektual. Akhir sekali, saling bekerjasama menggubal satu demi satu dasar negara yang diserasikan dengan kehendak dan keperluan rakyat.

Iktibar yang boleh diambil ialah nilai bekerjasama antara pemerintah dengan intelektual supaya dapat bersama-sama membangunkan negara. Kerannya, dapat memupuk sikap berseutu padu dalam kalangan rakyat. Selain itu, nilai kasih sayang untuk memperjuangkan kemerdekaan negara. Kerannya, dapat memupuk semangat patriotisme dalam diri. Seterusnya, kita perlulah berjuang untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Calon berjaya menghuraikan mesej yang terkandung dalam petikan dan menjelaskan iktibarnya.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

C) Mesej yang terkandung dalam petikan tersebut dan iktibar yang boleh diambil ialah Gobong intelektual mempunyai peranan besar dalam pembinaan dan pembangunan negara bangsa. Selain itu, kemerdekaan negara terhasil daripada satu perjuangan yang bucu kepalang dalam kalangan ulama, pejuang, pendidik, nasionalis serta orang awam. Seterusnya, mereka berjuang dengan darah, keringan, air mata. Selain itu, cita-cita mereka hanya satu, berjuang mencapai kemerdekaan, mempertahankan kedaulatan, menajjahterakan kehidupan rakyat dan memakmurkan negara. ☺

Calon hanya menyatakan mesej yang terkandung dalam petikan tanpa menjelaskan iktibarnya.

### Soalan 6 (a)

6 Pemasyhuran kemerdekaan negara berlaku pada 31 Ogos 1957.

(a) Jelaskan kronologi peristiwa pemasyhuran kemerdekaan tersebut.

Calon dikehendaki **menjelaskan kronologi** peristiwa pemasyhuran kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

6.(a) Kronologi peristiwa pemasyhuran kemerdekaan bermula pada malam 31 Ogos 1957. ~~Sema~~ Semua Majlis Raja-Raja memakai pakaian hitam dan pasukan ~~me~~ muda membuat perarakan di tengah padang. Pada ~~pukul~~ pukul 11.58 malam lampu ditutup dan dibuka semula pada jam 12.00 tengah malam dan rakyat melaungkan Merdeka. Pada keesokan harinya, semua rakyat yang terdiri daripada semua kaum berkumpul di Stadium Negara untuk menyambut kemerdekaan. Kedatangan Perdana Menteri Pertama iaitu Tunku Abdul Rahman diiringi Majlis Raja-Raja Melayu mendapat sorakkan dan gembira daripada rakyat. Azan dilayangkan tanda kesyukuran serta lagu Negaraku dimainkan buat kali pertama sewaktu bendera Malaysia dinaikkan manakala nyanyian lagu 'God Save The Queen' dimainkan pada ketika bendera British diturunkan. Tunku Abdul Rahman melaungkan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali. Selepas itu, Tunku Abdul Rahman mengiringi Pesuruhjaya Tinggi British untuk berlepas ke negara beliau.

Calon dapat menjelaskan **lapan** peristiwa pemasyhuran kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

9) Kronologi peristiwa pemasyhuran kemerdekaan ialah lampu dinyalakan ✓ tepat pada pukul ~~12~~ dua belas pagi ✓ 31 Ogos 1957. Selain itu, bendera jalur gemilang dinaikkan. Di samping itu, lagu negaraku dinyanyikan. Seterusnya, ✓ diadakan di stadium negara. Seterusnya, bendera british diturunkan ~~dari~~ Akhir sekali, diisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Calon hanya menjelaskan **tiga** peristiwa pemasyhuran kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

### Soalan 6 (b)

(b) Kemerdekaan membawa kebaikan kepada negara.

Buktikan pernyataan tersebut.

Calon perlu **membuktikan pernyataan** kemerdekaan membawa kebaikan kepada negara.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(b) Kemerdekaan membawa kebaikan kepada negara dengan menjadikan orang Melayu sebagai bumiputera Malaysia. Dengan mencapai kemerdekaan, negara kita Malaysia tidak lagi dijajah oleh kuasa asing. Selain itu, bahasa Melayu turut dijadikan bahasa rasmi pentadbiran serta hak rakyat sudah diiktiraf dan terjamin. Kemerdekaan turut memb~~er~~ mewujudkan jawatan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Persekutuan Tanah Melayu. Pese Persekutuan Tanah Melayu juga turut menganggotai Komanwel dan PBB. Rancangan buku Merah juga turut diperkenalkan bagi pembangunan di Persekutuan Tanah Melayu. Seterusnya sistem pendidikan turut dinaik taraf.

Calon berjaya membuktikan **tujuh** kebaikan kemerdekaan kepada negara.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(b) Kemerdekaan membawa kebaikan kepada negara. Sebagai contoh, rakyat-rakyat tidak perlu<sup>sentiasa</sup> takut berasa takut tentang orang British akan menyerang. ~~Set~~ Semua rakyat dapat hidup dengan selesa dan gembira. Seterusnya ~~kerajaan~~ Tanah Melayu <sup>dari</sup> kerajaan British tidak perlu meminta sekongan apabila membuat pilihan.

Calon hanya berjaya menyatakan **tiga** kebaikan kemerdekaan kepada negara.

**Soalan 6 (c)**

(c) Teliti poster berikut.



Sumber: //m-updale.com/2020/01/29

Huraikan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut.

Calon perlu **menghuraikan maklumat** yang terkandung dalam poster yang diberikan.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

c) Maklumat yang terkandung dalam poster tersebut ialah pembangunan negara yang disebabkan oleh keteguhan rakyat. Pada masa kini, negara kita telah mencapai arus kemodenan seiring dengan negara-negara luar. Hal ini disebabkan sistem pentadbiran yang bertkesan yang memberikan banyak peluang kepada masyarakat bagi meningkatkan potensi di mahupun negara. Sebagai contoh, pendidikan yang berkualiti telah melahirkan generasi yang bijak pandai bagi menerajui negara pada masa akan datang. Selain itu, pembangunan yang telah dilakukan oleh kerajaan telah memberikan banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat menjadikan taraf hidup masyarakat meningkat, dan masyarakat dapat hidup dengan lebih selesa. Tambahan pula, dengan eratnya perpaduan kaum yang telah ditunjukkan antara kaum Melayu, India dan Cina telah menjadikan tunjang utama dalam memajukan rakyat bersatu padu bagi mewujudkan negara yang aman dan damai. Akhir sekali, kerajaan juga mengambil langkah yang baik bagi sentiasa menjaga keselamatan negara daripada ancaman-ancaman luar.

Calon berupaya menghuraikan maklumat yang terkandung dalam poster yang diberikan dengan mengemukakan fakta, huraian dan contoh yang jelas.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

C. Maklumat yang terkandung dalam poster tersebut  
ialah keselamatan negara terjaga kerana negara  
sudah bebas dan dijajah dan sistem keselamatan  
negara semakin canggih. Selain itu, Rakyat  
merupakan teras kemajuan negara kerana tanpa  
rakyat negara tidak akan maju.

Calon hanya menyatakan **empat** maklumat yang terkandung dalam poster.



### Soalan 7 (a)

7 (a) Jelaskan faktor yang mencetuskan pembentukan Malaysia.

Calon dikehendaki **menjelaskan faktor** yang mencetuskan pembentukan Malaysia.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

7. (a) Faktor yang mencetuskan pembentukan Malaysia ialah untuk menjaga keselamatan rakyat kerana komunis masih mengancam keselamatan penduduk. Selain itu, untuk menstabilkan komuniti penduduk terutamanya penduduk kaum Cina. Seterusnya ialah untuk mempercepatkan kemerdekaan bagi wilayah borneo iaitu Sabah dan Sarawak dengan penggabungan Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Faktor yang berikut ialah pembangunan wilayah yang merujuk kepada gabungan sembilan buah negeri bersekutu, dua negeri 11 buah negeri negeri dan Sabah dan Sarawak serta Sabah dan Sarawak.

Calon dapat menjelaskan **enam** faktor yang mencetuskan pembentukan Malaysia.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

1) a) Faktor yang mencetuskan pembentukan Malaysia adalah disebabkan masalah komunis yang mengancam ketenteraman penduduk sehingga menyebabkan pertumpahan darah. Hal ini dapat dibandingkan dengan ~~keadaan~~ <sup>keadaan</sup> penentian ~~tanah~~ Tanah Melayu dan wilayah Sabah dan Sarawak beratu membentuk Malaysia untuk membantah ancaman komunis. Contohnya, ~~seperti~~ Operasi Racom di Sarawak. RASCOM di Sarawak. Selain itu, sokongan dari ~~pelbagai~~ pelbagai pihak seperti pihak british. Hal ini ~~berasa~~ untuk mempercepatkan ~~proses~~ <sup>proses</sup> negara ke arah berkerajaan sendiri.

Calon hanya menjelaskan **tiga** faktor yang mencetuskan pembentukan Malaysia.

Soalan 7 (b)

(b) Terangkan reaksi Indonesia terhadap idea gagasan Malaysia.

Calon dikehendaki menerangkan reaksi Indonesia terhadap idea gagasan Malaysia.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

7 (b) Reaksi Indonesia terhadap idea gagasan Malaysia pada awalnya mereka bersetuju. Tetapi selepas Tunku Abdul Rahman mengeluarkan kenyataan bahawa Indonesia berkerjasama dalam kegiatan komunis menimbulkan pergaduhan Indonesia menganggap bahawa pembentukan Malaysia merupakan agenda neokolonisme Barat. Hal ini mengganggu kedudukan Negara Indonesia. Indonesia menghantar askarnya ke Sarawak untuk menjalankan operasi gerila. Berlakulah aksi balasan tembakan antara askar Melayu dan Indonesia. Malaysia mengambil tindakan tentang 'Ganyang Malaysia' ini melalui urusan diplomatik. Isu ini dibawa ke mesyuarat Peratuan Bangsa-Bangsa (PBB). Akhirnya 'Ganyang Malaysia' berakhir apabila Indonesia melantik presiden yang baharu.

Calon dapat menerangkan lapan reaksi Indonesia terhadap idea gagasan Malaysia.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

b) Reaksi Indonesia terhadap idea gagasan Malaysia ialah mereka  
tidak <sup>✓</sup>menentang malah menyokong. ~~Tan~~ Melayu Raya telah ditubuhkan  
bagi pembentukan Malaysia dan Indonesia tetapi gagal kerana  
Indonesia telah mengisytiharkan kemerdekaan terlebih dahulu.  
Selepas itu, berlaku konfrontasi <sup>✓</sup>antara Malaysia dan Indonesia.  
Hal ini disebabkan pemimpin Indonesia menginginkan wilayah di Tanah  
Melayu. Selain itu, Tuanku Abdul Rahman telah berunding dengan  
menteri luar Indonesia tetapi tidak berjaya. Akhirnya, konfrontasi  
famat <sup>✓</sup>selepas Indonesia menukar pemimpin.

Calon hanya menerangkan **tiga** reaksi Indonesia terhadap idea gagasan Malaysia.

**Soalan 7 (c)**

(c) Petikan berikut berkaitan hubungan Malaysia-Indonesia.

Malaysia menganggap hubungan dua hala dengan Indonesia seperti air yang dicincang tak akan putus. Kedua-dua negara ini bukan sekadar berjiran malah mempunyai banyak persamaan serta berkongsi budaya dan bahasa.

Sumber: Bernama, 21 September 2017

Berdasarkan pernyataan tersebut ulaskan kepentingan hubungan Malaysia dan Indonesia.

Calon dikehendaki mengulas kepentingan hubungan Malaysia dan Indonesia.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

7 (c) Berdasarkan pernyataan tersebut, kepentingan hubungan Malaysia dan Indonesia adalah untuk menjaga kepentingan sosial. Hal ini kerana, kedua-dua negara ini berasal dari rumpun yang sama iaitu Alam Melayu. Mereka mempunyai budaya dan bahasa yang hampir sama. Contohnya, penggunaan bahasa Melayu dan kebudayaan seperti perkaian batik dan songket. Hal ini perlu dipelihara agar tidak berlaku pergaduhan antara dua negara ini. Selain itu, kepentingan hubungan ini adalah untuk menjaminkan kestabilan politik negara. Hal ini kerana, Malaysia dan Indonesia banyak menjalankan hubungan diplomatik. Hal ini penting supaya dapat menjaga kebajikan masing-masing. Contohnya, Malaysia menghantar bantuan ke banjir Aceh 2004. Hal ini menunjukkan hubungan baik dan amalan bantu-membantu seperti adik-beradik dalam menghadapi musibah.

Calon berjaya menghuraikan jawapan berdasarkan pernyataan yang diberikan dengan mengemukakan fakta, huraian dan contoh yang sesuai.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(c) kepentingan hubungan antara Malaysia dan Indonesia  
perlu menganggap hubungan dua hala antara Malaysia  
dan Indonesia seperti air yang dicincang tidak akan  
putus. Selain itu, hubungan Malaysia dan Indonesia perlu  
mengelakkan membuat kekecohan antara satu sama lain  
Seterusnya, tidak bertakung memalukan imej negara  
kerana perlu ada rasa kehormatan. Akhir sekali, kedua -  
dua negara ini bukan sekadar berjiran malah mempunyai  
banyak persamaan serta berkongsi budaya dan bahasa

Calon hanya menjelaskan **empat** maklumat yang terkandung dalam **petikan** beserta dua huraian.

**Soalan 8 (a)(i)**

8 Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merencanakan perkembangan dalam perindustrian dan perdagangan negara.

(a) Jelaskan kejayaan yang telah dicapai oleh negara dari aspek:

(i) Perindustrian Berteknologi Tinggi

Calon dikehendaki menjelaskan kejayaan yang telah dicapai dalam aspek perindustrian berteknologi tinggi.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

9(a)(i) Antara kejayaan yang telah dicapai oleh negara ialah pembangunan sektor perindustrian berteknologi tinggi pada tahun 1980-an. Selain itu, kejayaan yang telah dicapai oleh negara ialah mengukuhkan asas perindustrian negara. Seterusnya, kejayaan yang telah dicapai ialah penambahan kemahiran rakyat dalam bidang teknologi tinggi. Penggunaan jentera moden yang memerlukan kemahiran yang tinggi. Di samping itu, penubuhan HI/OM pada tahun 1980.

Calon menjelaskan lima kejayaan yang telah dicapai dalam aspek perindustrian berteknologi tinggi.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(i) Kejayaan yang telah dicapai oleh Perindustrian Tinggi ialah Berteknologi Tinggi ialah penggunaan teknologi dalam perindustrian seperti penggunaan jentera dan dron. Hal ini dapat mengurangkan penggunaan tenaga pekerja yang banyak. Selain itu, dapat mempercepatkan proses perindustrian di Malaysia. Seterusnya, dapat memajukan sektor perindustrian di negara kita seperti negara-negara maju yang lain.

Calon hanya menjelaskan **dua** kejayaan yang telah dicapai dalam aspek perindustrian berteknologi tinggi.



Soalan 8 (a)(ii)

8 Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merencanakan perkembangan dalam perindustrian dan perdagangan negara.

(a) Jelaskan kejayaan yang telah dicapai oleh negara dari aspek:

(ii) Kawasan Perindustrian Baharu

Calon dikehendaki menjelaskan kejayaan yang telah dicapai dalam aspek kawasan perindustrian baharu.

Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

a) ii) Antara kejayaan yang telah dicapai oleh negara ialah  
.....  
..... ~~terjadi~~ kewujudan ~~pele~~ pelbagai bentuk kawasan ~~perind~~  
.....  
..... perindustrian seperti perindustrian ~~erlet~~ dan zon perindustrian  
..... bebas. Zon perindustrian ~~bebas~~ bebas merupakan kawasan  
..... ~~perdagangan~~ perdagangan yang diberikan pelepasan cukai  
..... atau tarif sebagai insentif. ~~Seterusnya~~ Seterusnya, kejayaan  
.....  
..... ialah membantut ~~ekonomi~~ pembangunan ekonomi di kawasan sekitarnya  
..... yang kurang maju. Tambahan pula, kejayaan ialah menambah  
..... modal ~~pembang~~ ke pembangunan dari dalam ~~dan~~ dan luar  
..... negara. ....

Calon dapat menjelaskan lima kejayaan yang telah dicapai dalam aspek kawasan perindustrian baharu.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

ii Pihak kerajaan telah memperkenalkan kawasan perindustrian baharu yang kaya dengan bahan mentah dan bekalan buruh yang mencukupi. Kawasan ini telah terbukti mampu memajukan kawasan sekitarnya yang kurang maju di samping menarik minat pelabur asing dan tempatan untuk melabur di negara kita.

Calon hanya menjelaskan **dua** kejayaan yang telah dicapai dalam aspek kawasan perindustrian baharu.

### Soalan 8 (a)(iii)

8 Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merencanakan perkembangan dalam perindustrian dan perdagangan negara.

(a) Jelaskan kejayaan yang telah dicapai oleh negara dari aspek:

(iii) Industri Kereta Nasional

Calon dikehendaki menjelaskan kejayaan yang telah dicapai dalam aspek **industri kereta nasional**.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

a)iii) ~~Pembinaan~~ Antara kejayaan yang dicapai oleh negara ialah penubuhan HICOM mengalakkan pertumbuhan industri kereta dan motosikal buatan Malaysia. Industri kereta tempatan dipelopori oleh PROTON dan ~~PEROD~~ PERODUA. Selain itu, pengusahaan ~~ke~~ industri kereta dan motosikal nasional ~~yang~~ membuka peluang pekerjaan. Kesannya, dapat ~~men~~ meningkatkan ~~penda~~ pendapatan dan taraf hidup rakyat tempatan.

Calon dapat menjelaskan **tujuh** kejayaan yang telah dicapai dalam aspek industri kereta nasional.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Soalan 8

iii) Seterunya, Industri Kereta Nasional. Kejayaan Malaysia dalam aspek ini adalah dapat mengeluarkan barangan buatan Malaysia yang berkualiti. Malaysia memperkenal kan <sup>(Proton)</sup> ~~Pertana~~ iaitu kereta automobil negara yang berkualiti tinggi. Selain itu, negara dapat bersaing dengan negara lain dalam bidang automobil. Malaysia juga memperkenalkan (Proton) yang merupakan buatan negara sendiri. Dengan ini, Malaysia menunjukkan kepada negara luar bahawa negara kami juga mampu mengeluarkan kereta yang taraf baik dengan negara luar. 'Proton' juga salah satu ~~se~~ motor yang baik dan tahan lama daripada Malaysia.

Calon hanya menjelaskan **dua** kejayaan yang telah dicapai dalam aspek industri kereta nasional.

**Soalan 8 (c)**

(b) Teliti maklumat dalam petikan berikut.

Tahun 1990 menandakan berakhirnya Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP 1) dan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dalam tempoh pelaksanaan DEB (1971 - 1990), ekonomi Malaysia telah berkembang dengan pesatnya walaupun menghadapi pelbagai cabaran.

Seperti DEB, DPN akan meneruskan usaha-usaha mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi bukan sahaja dalam kalangan kaum etnik tetapi juga di antara golongan kaya dan miskin serta antara wilayah. Ketidakseimbangan ekonomi ini akan dapat dikurangkan berasaskan prinsip pembangunan seimbang dan pengagihan yang saksama untuk mencapai keadilan sosial dan memperkukuhkan perpaduan negara.

Sumber Diubah suai: <https://www.pmo.gov.my>

Beri komen anda terhadap maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.

Calon dikehendaki **memberikan komen** berdasarkan maklumat yang terkandung dalam petikan.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

b) Pada pendapat saya, pelaksanaan DEB dan DPN amat penting untuk mewujudkan keseimbangan ekonomi dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum. Contohnya, kerajaan mewujudkan pengagihan kekayaan negara yang sama rata dalam kalangan rakyat. ~~Pembangunan~~ Telah mewujudkan pembangunan seimbang antara negeri dan antara bandar dengan luar bandar. DPN dilaksanakan berdasarkan Rancangan Malaysia ke-6 dan Rancangan Malaysia ke-7. Selain itu, pelaksanaan kedua-dua dasar tersebut berjaya membasmi kemiskinan dan ~~menurunkan~~ menurunkan kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat. Pemberian subsidi dan sokongan diteruskan oleh kerajaan kepada golongan penanam padi padi dan nelayan. Kerajaan juga mempelbagaikan kegiatan ekonomi yang dapat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat demi meningkatkan pendapatan mereka. Tambahan pula, pelaksanaan kedua-dua dasar tersebut dapat meningkatkan taraf hidup rakyat. Pada masa yang sama, tahap kesihatan rakyat menjadi lebih baik. Di samping itu, pelaksanaan kedua-dua dasar amat penting bagi meningkatkan penyertaan bumiputera dan bukan bumiputera dalam ~~ke~~ sektor ekonomi moden.

Calon dapat menghuraikan komen berdasarkan maklumat yang terkandung dalam petikan secara mendalam dan menunjukkan kematangan calon dengan memberikan contoh yang relevan.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

b) Pada tahun 1990 menandakan berakhirnya Rangka Rancangan jangka panjang pertama (RRJP 1) dan Dasar Ekonomi Baharu (DEB). Dalam tempoh pelaksanaan DEB (1971 - 1990). Ekonomi Malaysia berkembang dengan pesat walaupun banyak cabaran. DEB dan DPN akan menevaskan usaha untuk mengurangkan ketidaksimbangan ekonomi malah kalangan kaum elit dalam golongan kaya dan miskin serta antara wilayah. Ekonomi dikurangkan berasaskan prinsip pembangunan dan pengagihan yang saksama untuk mencapai keadilan sosial dan memperkukuhkan perpaduan negara.

Calon hanya memberikan maklumat berdasarkan petikan tanpa memberikan komen.

**Soalan 9 (a)**

**9 (a)** Jelaskan usaha dan manfaat yang diperolehi Malaysia dalam menjayakan Deklarasi Langkawi.

Calon dikehendaki **menjelaskan usaha dan manfaat** yang diperolehi Malaysia dalam menjayakan Deklarasi Langkawi.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

9 a) Usaha Malaysia dalam ~~menjaya~~ menjayakan Deklarasi Langkawi ialah anugerah Langkawi diberikan kepada ~~warganegara~~ warganegara yang menunjukkan komitmen dan sumbangan besar dalam bidang alam sekitar. Selain itu, dasar alam sekitar dilaksanakan. Seterusnya, kerajaan ~~di~~ Kedah ~~menyisytiharkan~~ mengisytiharkan Langkawi sebagai Geopark. Selanjutnya, dasar teknologi hijau diperkenalkan. Tujuan dasar teknologi hijau ~~adalah~~ ialah menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau. Manfaat yang diperolehi Malaysia dalam menjayakan Deklarasi Langkawi ialah mengatasi masalah pencemaran udara. Contohnya, jeribus. Selain itu, ~~perubahan iklim~~ masalah perubahan iklim ditangani.

Calon dapat menjelaskan usaha dan manfaat yang diperolehi Malaysia dalam menjayakan Deklarasi Langkawi dengan tepat.



## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

soalan 9

m) Usaha Malaysia dalam menjayakan Deklarasi Langkawi ialah dengan mengadakan Anugerah Langkawi. Anugerah ini diberikan kepada sesiapa yang menunjukkan komitmen dan sumbangan besar dalam menjaga alam sekitar. Selain itu, negeri Kedah telah mengisytiharkan Langkawi sebagai Geopark. Manfaat yang diperolehi Malaysia ialah berlakunya pengurangan gas rumah hijau di bumi.

Calon hanya menjelaskan **tiga** usaha dan **satu** manfaat yang diperolehi Malaysia dalam menjayakan Deklarasi Langkawi.

**Soalan 9 (b)**

**(b) Bagaimanakah Malaysia berperanan dalam usaha menjadikan Antartika sebagai warisan sejagat?**

Calon dikehendaki **menjelaskan peranan Malaysia** dalam usaha menjadikan Antartika sebagai warisan sejagat.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

9. b) Malaysia berperanan dalam usaha menjadikan Antartika sebagai warisan ~~sejagat~~ sejagat dengan mengutamakan isu penerokaan terhadap Antartika melalui NAM. Selain itu, penerokaan benua ais terhadap Antartika secara tidak adil. Seterusnya, penerokaan terhadap Antartika didominasi oleh sebahagian kecil negara sahaja. Di samping itu, Malaysia menyuarakan isu dalam sidang Kemuncak ~~NAM~~ NAM ke-7 di ~~New~~ New Delhi, India. Selanjutnya, Malaysia mendesak PBB agar mengambil langkah pertama menjadikan Antartika sebagai warisan sejagat. Selain itu, Tunku Abdul Rahman menadangkan PBB mentadbir Antartika. Tujuannya ialah memastikan hasil-hasil ~~Antartika~~ Antartika dapat berkongsi dengan semua negara. Seterusnya, Malaysia menubuhkan pasukan penyelidikan. Di samping itu, Malaysia menjalankan penyelidikan di Antartika dalam bidang perubahan iklim.

Calon dapat menjelaskan peranan Malaysia dalam usaha menjadikan Antartika sebagai warisan sejagat dengan tepat.


### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(b) Malaysia berusaha untuk menjadikan Antartika sebagai warisan  
sejagat iaitu dengan memilih **PBB** menjadikan Antartika sebagai  
warisan ~~manusia~~ dunia sejagat dan hada negara yang boleh  
memilih ~~Antartika~~ menjadikan Antartika sebagai kawasan negaranya.  
~~Malaysia~~ juga mengkritik tentang eksplorasi di Antartika yang  
**tidak** adil kerana sebahagian kecil sahaja negara kecil yang  
memilih eksplorasi Antartika dan sebahagian besarnya didominasi  
oleh negara besar dan berkuasa seperti Amerika Syarikat dan  
China. Malaysia juga mencetuskan **Perka** pengesahan Antartika bagi  
menjelajahi Antartika.

Calon hanya menjelaskan **empat** peranan Malaysia dalam usaha menjadikan Antartika sebagai warisan sejagat.

Soalan 9 (c)

- (c) Infografik berikut berkaitan program yang diperkenalkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk menyatukan saintis pelbagai bidang dalam menyelesaikan masalah sejagat.



Sumber: [www.nioshcert.com.my](http://www.nioshcert.com.my)

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah PBB fokus untuk menyelesaikan masalah dalam infografik tersebut?

Calon dikehendaki menjelaskan sebab PBB fokus untuk menyelesaikan masalah dalam infografik yang diberikan.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

9 c) Berdasarkan pengetahuan sejarah saya, PBB fokus untuk menyelesaikan masalah ~~di~~ dalam infografik ~~tersebut~~ kerana PBB ingin mengurangkan kadar kemiskinan di dunia ini. Oleh itu, ~~kehidupan~~ ~~taraf~~ ~~kehidupan~~ ~~manusia~~ ~~dapat~~ ~~ditingkatkan~~. Contohnya, PBB boleh mempelbagaikan kegiatan ekonomi untuk membuka peluang pekerjaan. Dengan ini, ~~setiap~~ setiap manusia ~~dapat~~ mendapat pekerjaan untuk meningkatkan taraf hidupnya. Oleh itu, masalah jenayah seperti merompak dan mencuri dapat dikurangkan. Kesannya, keamanan dunia dapat terjamin. Selain itu, PBB ingin mencapai ketaparan sifar kerana mahu mengatasi masalah kelaparan. Dengan ini, setiap manusia tidak perlu mengalami penderitaan dan kesengsaraan disebabkan oleh bekalan makanan yang tidak mencukupi. Seterusnya, PBB fokus untuk menyelesaikan masalah dalam infografik kerana ingin menjaga kesihatan dan kesejahteraan yang baik di sedunia. Oleh itu, kadar kematian sedunia dapat dikurangkan. Contohnya, PBB boleh mengkaji dan

memajukan teknologi dalam bidang kesihatan.

Di samping itu, PBB fokus untuk menyelesaikan masalah dalam infografik tersebut kerana ingin memastikan pendidikan berkualiti bagi setiap manusia. Hal ini kerana pendidikan penting untuk kemajuan dunia. Oleh itu, kita dapat mencipta barangan yang dapat memudahkan urusan harian manusia. ~~Setelah itu, perkara~~ Contohnya, pendidikan dapat melahirkan modal insan yang berkemahiran. Oleh itu, perkembangan dalam sektor perubatan dapat dipercepatkan. Kesannya, masalah penyakit seperti AIDS dan kancer dapat diselesaikan.

Calon dapat menjelaskan sebab PBB fokus untuk menyelesaikan masalah dalam infografik dengan memberikan hujah yang sangat jelas dan menampakkan kematangan pemikiran serta menggunakan laras bahasa yang menarik.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(c) Pada pendapat saya, PBB fokus untuk menyelesaikan masalah dalam infografik tersebut kerana masalah-masalah tersebut berluasa di seluruh dunia. Hal ini kerana perkara tersebut merangkumi dan melibatkan kehidupan seharian. Sebagai contoh, kelaparan sifar yang menunjukkan bahawa seluruh penduduk dunia mempunyai makanan. Hal ini penting kerana ia merupakan keperluan asas bagi manusia sekaligus menunjukkan keperikemanusiaan.

Calon hanya menyatakan enam sebab PBB fokus untuk menyelesaikan masalah dalam infografik yang diberikan.

## 2.5 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B

### 2.5.1 Calon

- a) Menjawab soalan yang boleh menjamin pemerolehan markah yang maksimum dan bukannya mengikut urutan nombor soalan.
- b) Menulis jawapan dalam bentuk perenggan dan dengan ayat yang lengkap serta gramatis. Setiap isi seharusnya dihuraikan dengan lengkap berserta contoh-contoh yang sesuai.
- c) Menggunakan laras bahasa yang mudah difahami.
- d) Memastikan tulisan mudah dibaca oleh pemeriksa bagi membolehkan pemeriksa mengenal pasti fakta, huraian, contoh dan bukti yang dikemukakan.
- e) Memahirkan diri menguasai pelbagai bentuk soalan KBAT berstimulus sebagai persediaan menjawab soalan KBAT bagi memperoleh markah maksimum.
- f) Menguasai isu semasa bagi memudahkan idea yang bernas dikeluarkan untuk menjawab soalan KBAT.
- g) Merujuk Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.

### 2.5.2 Guru

- a) Menguasai kandungan dalam DSKP.
- b) Memastikan setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks Sejarah KSSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 disampaikan dengan baik.
- c) Mendedahkan murid kepada cara menjawab soalan dengan teknik yang betul dan tepat.
- d) Melatih murid menulis jawapan dalam bentuk esei dengan menggunakan struktur ayat yang lengkap dari peringkat menengah rendah.
- e) Merancang PdP terutamanya menyelesaikan sukatan mata pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latihan tubi dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- f) Mengajar berdasarkan pendekatan berpusatkan murid dan tidak berpusatkan guru.
- g) Mengenal pasti kelemahan murid supaya kelemahan tersebut dapat diperbaiki lebih awal.
- h) Mempelbagaikan sumber rujukan dan bahan pengajaran yang menarik dalam PdP.
- i) Menghasilkan pelbagai bentuk stimulus bagi persediaan menjawab soalan KBAT.
- j) Mencadangkan kepada murid untuk merujuk koleksi soalan SPM yang lepas dan KMJ agar murid dapat meningkatkan kemahiran menjawab dan memahami kehendak soalan.
- k) Sentiasa mengingatkan murid agar memastikan tulisan mereka mudah dibaca dan difahami pemeriksa.
- l) Merujuk kepada Kupasan Mutu Jawapan SPM untuk membimbing murid.

# *Penghargaan*

## **PENGERUSI:**

**ENCIK BASRI BIN HASSAN**

## **URUS SETIA:**

**PUAN HABIDAH@ABIDAH BINTI IBRAHIM**

**DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB**

**DR. JAIN BIN CHEE**

**PUAN AIMI MAHFUZAH BINTI MOHD. KAMALLUDEEN**

## **EDITOR:**

**ENCIK MOHD FATHI BIN ADNAN**

**PUAN NORAZAH BINTI BIDI**

**PUAN NORHATINI BINTI SHAARI**

**PUAN FAIZAH BINTI SAMAD**

**ENCIK IZZAT ISMAIL BIN IDRIS**

**ENCIK MAHADI BIN MAHMOD**

**PUAN ANGELIN CHIAH YONG LE**

**PUAN TAN SHAN XI**

**PUAN ALFIAH BINTI SALIM**

**ENCIK MOHD NOR FAIZALL BIN AMIR**

## **PANEL PENULIS:**

**KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1**

**KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2**

**KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2**

**KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2**

**KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2**

**KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2**

**KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1**

**KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2**

**KP & KPB KIMIA SPM KERTAS 2**

**KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 1**

**KP & KPB BAHASA CINA SPM KERTAS 2**